


SESI DIALOG KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF HASiL BERSAMA PERSATUAN PERDAGANGAN MALAYSIA TAHUN 2024

5 Jun 2024 (Rabu)
Hotel The Everly, Putrajaya

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASiL
1.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Employee Tax responsibilities After e-daftar local & foreign employees online, employer have difficulty obtaining their tax reference number online, as we need to have their email address and phone number in order to extract the income tax reference number. When we call the local general income tax line, we are unable to get through to the relevant department.	Nombor Pengenalan Cukai (TIN) adalah maklumat terkelas dan hanya boleh didedahkan kepada pembayar cukai atau orang yang diberi kuasa. Alamat e-mel dan nombor telefon yang berdaftar dengan HASIL diperlukan sebagai langkah keselamatan semasa semakan TIN bagi menjamin tahap keselamatan data. Sekiranya e-mel dan nombor telefon tidak aktif atau belum didaftarkan dengan HASIL, pekerja perlu membuat kemas kini butiran pembayar cukai melalui Borang Maklum Balas Pelanggan dan menyertakan dokumen sokongan iaitu salinan pengenalan/pasport. Semakan TIN boleh dibuat oleh pekerja melalui kaedah berikut: - Aplikasi e-Daftar di Portal MyTax melalui pautan https://mytax.hasil.gov.m; atau - Pekerja perlu login ke MyTax dan mendaftar Sijil Digital Individu bagi login kali pertama. Semakan TIN boleh dibuat melalui MyTax > Profil > Cetak Surat Pemakluman TIN;atau

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		 c) Permohonan semakan melalui Borang Maklum Balas Pelanggan di portal rasmi HASIL; atau d) hadir ke pejabat HASIL yang berdekatan. Pekerja bertanggungjawab untuk mengemukakan maklumat TIN (Individu) kepada Majikan.
2.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Unable to upload the passport via the submission through the My Tax system. Whenever there is any queries, status cannot be checked through the system and the company needs to call and follow up with the officer. After audit by the officer and cleared, the tax clearance letter (SPC) is still not attached via the system.	HASiL mengambil maklum atas isu berbangkit berkenaan Surat Penyelesaian Cukai (SPC) dan tindakan lanjut akan diambil. 1. Dokumen passport e-SPC (Borang CP21) memandatorikan dokumen berikut untuk dimuat naik sebagai dokumen sokongan:

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL																				
	Allow the system to upload the passport for foreigner and no more submission at counter is required. Queries should appear in the system in order for the employer to take the remedial action. The SPC should appear in the system for the employer to download upon the case is settled.	E. Dokumen Sokongan SYARAT MUATNAIK DOKUMEN a) Hanya format fail *.pdf, *.jpg, *.jpeg ATAU *.gif sahaja yang dibenarkan dan saiz fail tersebut hendaklah tidak melebihi 6 MB. b) Nama fail mestilah menggunakan Alfabet dan karakter yang dibenarkan (-, _ , ()) c) Fail yang dimuat naik hendaklah jelas. <table><tr><th>No</th><th>Nama Fail</th><th>Fail</th><th>Tindakan</th></tr><tr><td>1</td><td>SALINAN SURAT KONTRAK VOLUNTARY SEPERATION SCHEME (VSS) / MANDATORY SEPERATION SCHEME (MSS) SEKIRANYA PEKERJA MENERIMA PAMPASAN / GANJARAN DARI SKIM PEMBERHENTIAN PEKERJA</td><td></td><td></td></tr><tr><td>2</td><td>SENARAI PERGERAKAN KELUAR/MASUK MALAYSIA (STMIB)</td><td></td><td></td></tr><tr><td>3</td><td>SALINAN PASPORT YANG TELAH DISAHKAN OLEH MAJIKAN (SEMUA MUKA SURAT)</td><td></td><td></td></tr><tr><td>4</td><td>SALINAN BORANG EA / EC SEHINGGA TEMPOH 3 TAHUN KE BELAKANG (TERTAKLUK KEPADA TEMPOH PERKHIDMATAN)</td><td></td><td></td></tr></table> 2. Status permohonan e-SPC Sistem memaparkan status permohonan e-SPC. Status permohonan boleh disemak melalui MyTax> Perkhidmatan ezHASiL > e-SPC > Status Permohonan MyTax Perkhidmatan ezHASiL e-Janji Temu Maklum Balas Pelanggan Panduan Pengguna MyInvois Search ENG Log Keluar eSPC Status Permohonan Permohonan No. Pengenalan Cukai Nama Jenis Borang SILA PILIH Cari Semula	No	Nama Fail	Fail	Tindakan	1	SALINAN SURAT KONTRAK VOLUNTARY SEPERATION SCHEME (VSS) / MANDATORY SEPERATION SCHEME (MSS) SEKIRANYA PEKERJA MENERIMA PAMPASAN / GANJARAN DARI SKIM PEMBERHENTIAN PEKERJA			2	SENARAI PERGERAKAN KELUAR/MASUK MALAYSIA (STMIB)			3	SALINAN PASPORT YANG TELAH DISAHKAN OLEH MAJIKAN (SEMUA MUKA SURAT)			4	SALINAN BORANG EA / EC SEHINGGA TEMPOH 3 TAHUN KE BELAKANG (TERTAKLUK KEPADA TEMPOH PERKHIDMATAN)		
No	Nama Fail	Fail	Tindakan																			
1	SALINAN SURAT KONTRAK VOLUNTARY SEPERATION SCHEME (VSS) / MANDATORY SEPERATION SCHEME (MSS) SEKIRANYA PEKERJA MENERIMA PAMPASAN / GANJARAN DARI SKIM PEMBERHENTIAN PEKERJA																					
2	SENARAI PERGERAKAN KELUAR/MASUK MALAYSIA (STMIB)																					
3	SALINAN PASPORT YANG TELAH DISAHKAN OLEH MAJIKAN (SEMUA MUKA SURAT)																					
4	SALINAN BORANG EA / EC SEHINGGA TEMPOH 3 TAHUN KE BELAKANG (TERTAKLUK KEPADA TEMPOH PERKHIDMATAN)																					

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		 3. Pertanyaan HASiL mengambil maklum cadangan berkenaan. Walau bagaimanapun, kajian lanjut perlu dilakukan 4. Surat SPC melalui MyTax Prosedur semasa adalah surat SPC akan dihantar melalui emel apabila tindakan selesai dilakukan oleh pegawai HASiL. Tindakan pengeposan surat berkenaan kepada majikan dan pembayar cukai turut dilakukan. HASiL mengambil maklum cadangan agar salinan surat SPC dipaparkan melalui MyTax.
3.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Currently, the decision to allow the offset of overpaid taxes against future tax payments is determined by the IRB. The Income Tax Act (ITA) does not have a provision for automatic offset of tax overpayments. This situation creates a financial burden for both the Government, which must reserve cash to refund the taxpayer, and	Pada masa ini, peruntukan undang-undang di bawah subseksyen 111(4A) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 membenarkan LHDNM menggunakan lebihan bayaran pada sesuatu tahun bagi menampung bayaran cukai lain yang perlu dibayar (<i>set-off</i>). lanya tidak berlaku secara automatik dan pembayar cukai perlu mengemukakan permohonan kepada LHDNM bagi pelaksanaan set-off dan

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	the taxpayer, who must source money to pay future taxes despite having an overpayment in their account with the IRB. Additionally, according to Section 111D of the Income Tax Act, the IRB is obligated to compensate the taxpayer if they are late in refunding the tax overpayment. We propose implementing an automatic offset of tax overpayment against future tax payments. In the self-assessment system, the income tax return submitted by a taxpayer is deemed assessment, and the tax paid based on the submitted return is deemed correct. On this basis, the tax overpayment indicated in the submitted return should be allowed to automatically offset against future tax payments. This approach would improve the Government's cash flow as there would be no need to reserve cash for taxpayer refunds. Additionally, it would relieve taxpayers from the burden of sourcing financing to meet their future tax payments.	prosedur hanya dianggap berlaku setelah memperoleh kelulusan dari LHDNM. Pelaksanaan set-off secara automatik tidak sesuai dilaksanakan kerana ianya akan memberi kesan kepada prestasi kutipan tahun semasa di mana kutipan yang dijangka akan mampu diperolehi tidak dapat dikutip kerana mekanisme set-off.
4.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Entity TIN (Tax Identification Number) To create a channel (at the LHDN portal) to check the TIN for all entities registered with LHDN.	Nombor Pengenalan Cukai (TIN) adalah maklumat terkelas dan hanya boleh didedahkan kepada pembayar cukai atau orang yang diberi kuasa. Alamat e-mel dan nombor telefon yang berdaftar dengan HASIL diperlukan sebagai langkah keselamatan semasa semakan TIN bagi menjamin tahap keselamatan data. Semakan TIN boleh dibuat oleh pembayar cukai selain individu melalui kaedah berikut:

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		a) Aplikasi e-Daftar di Portal MyTax melalui pautan https://mytax.hasil.gov.my; atau b) Permohonan semakan melalui Borang Maklum Balas Pelanggan di portal rasmi HASIL dengan menyertakan dokumen sokongan seperti salinan pendaftaran perniagaan; atau c) Hadir ke pejabat HASIL yang berdekatan.
5.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Some of the columns is not user friendly. For instead, when submission the CP22, on the “Jawatan” column, to choose the position from the default long listing is very time consuming. Remove the default listing let the employer fill in the position.	Kod jawatan adalah mengikut senarai perjawatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia (MASCO) bagi tujuan penyeragaman. Kod MASCO memaparkan senarai pekerjaan berdasarkan sepuluh (10) kumpulan utama pengelasan pekerjaan. Walau bagaimanapun, sistem berkenaan membenarkan pengguna untuk membuat carian dengan menginput kata kunci dan sistem akan memaparkan pilihan berdasarkan kata kunci yang diinput. 

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
6.	The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM) Estimate of tax payable (Form CP204) – 85% With effect from year of assessment 2006, the estimate of tax payable for a year of assessment must not be less than 85% of the estimate or revised estimate of the income tax payable for the immediate preceding year of assessment. The 85% threshold results in additional cash outflow for instalments before revision submitted in the sixth month. To abolish the threshold of 85%. Estimate of tax payable for a year of assessment could be any amount forecasted by companies.	Sistem Taksir Sendiri menghendaki pembayar cukai kategori syarikat, koperasi, badan amanah dan perkongsian liabiliti terhad (PLT) untuk mengemukakan Borang Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar (Borang CP204) dan membayar anggaran cukai tersebut mengikut jadual yang ditetapkan. Syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT juga dikehendaki untuk melaporkan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) pendapatan bercukai dan cukai yang kena dibayar. Subseksyen 107C(3) ACP 1967 memperuntukkan amaun minimum anggaran cukai bagi suatu tahun taksiran hendaklah tidak kurang daripada 85% amaun daripada pindaan anggaran cukai atau amaun anggaran cukai (jika tiada pindaan anggaran cukai dikemukakan) bagi tahun taksiran sebelumnya. HASiL mengambil maklum atas cadangan ini dan kajian lanjut akan dilakukan.
7.	The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM) Balance of tax payable - Companies (Form C) & Individuals (Form B) This can ease the financial burden of companies/individuals. Payment of balance of tax for Year of Assessment 2025 - 2027 in 6 monthly instalments with no penalty.	Mulai tahun taksiran 2023, subseksyen 103(3) dan 103(7), Akta Cukai Pendapatan 1967 telah membenarkan baki cukai bagi taksiran yang disifatkan dibayar secara ansuran dan tidak dikenakan kenaikan cukai. Pembayar cukai perlu mengemukakan permohonan bayaran ansuran sebelum tarikh akhir bayaran baki cukai perlu dibuat. Pembayar cukai akan dikenakan kenaikan cukai sebanyak 10% sekiranya gagal mematuhi jadual ansuran yang ditetapkan.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
8.	International Entrepreneurs Chamber Malaysia (IECM) We plead for an extension of payment deadlines for taxation bills to provide SMEs with the necessary breathing space to stabilize their finances without the immediate threat of penalties and interest.	Jika pembayar cukai menghadapi kesukaran untuk membayar baki cukai sekaligus, pembayar cukai boleh mengemukakan permohonan bayaran ansuran sebelum tarikh akhir bayaran baki cukai perlu dibuat.
9.	International Entrepreneurs Chamber Malaysia (IECM) The introduction of flexible and manageable payment plans that allow SMEs to spread out their tax liabilities over a more extended period would significantly alleviate financial pressure.	Jika pembayar cukai menghadapi kesukaran untuk membayar cukai tertunggak, pembayar cukai boleh mengemukakan permohonan bayaran ansuran bersama justifikasi dan dokumen sokongan berkaitan untuk pertimbangan HASiL.
10.	International Entrepreneurs Chamber Malaysia (IECM) We request a temporary waiver of penalties and interest on late payments for SMEs that can demonstrate genuine financial hardship due to the economic slowdown.	Permohonan untuk membatalkan kenaikan cukai atas kelewatan bayaran perlu dikemukakan kepada HASiL dan pertimbangan akan dibuat secara case-by-case basis.
11.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) WITHHOLDING TAX a. Are payments to overseas advertiser like Facebook, Google Ad, LinkedIn, Instagram and etc platform subjected to withholding tax? b. Are payments for google work, zoom conference, Open AI, webhosting and etc subscriptions subjected to withholding tax? Issue a more comprehensive guideline and public ruling guidance detail explain and clear the doubt. "	Layanan cukai pegangan atas bayaran perisian kepada bukan pemastautin adalah bergantung kepada fakta setiap kes. Berkenaan dengan bayaran pengiklanan digital kepada bukan pemastautin, rujukan boleh dibuat ke atas Nota Amalan No. 1/2018 – Layanan Cukai Pengiklanan Digital Disediakan Oleh Bukan Pemastautin yang telah diterbitkan pada 16 Mac 2018. HASiL sedang dalam proses penyediaan Ketetapan Umum berkaitan dengan layanan cukai ke atas bayaran perisian kepada bukan pemastautin.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
12.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) The general statute of limitation is 5 years. However, the statute of limitation for transfer pricing (“TP”) adjustments is 7 years. For certainty in tax compliance and record keeping, the statute of limitation should be synchronized between the general statute of limitation and transfer pricing. We propose adopting a standardized statute of limitations of 5 years for TP cases, aligning it with the statute of limitations of 5 years for general assessments. This alignment in the law would enhance clarity and fairness for taxpayers, while also promoting a smoother and more transparent tax administration process.	Had masa yang lebih lama ditetapkan atas pelarasan isu pindahan harga kerana isu pindahan harga adalah lebih rumit dan memerlukan masa yang lebih lama untuk selesai. Selain Malaysia, negara lain seperti Australia, Germany, China dan Vietnam juga menetapkan had masa 7 tahun atas pelarasan isu pindahan harga.
13.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Contemporaneous Transfer Pricing Documentation must be prepared prior to the due date for Filing the Tax Return, meaning that Taxpayers will have shorter TPD preparation time. Suggest delaying the due date for preparing the Contemporaneous Transfer Pricing Documentation as Taxpayers will requires even more time to furnish even more information or data to compliance with the new and stringent requirements by LHDN.	Secara umum, dokumen pindahan harga mengandungi penjelasan bagaimana harga sesuatu transaksi terkawal ditentukan sebelum transaksi terkawal tersebut berlaku. Dokumen ini adalah penting untuk memastikan semua maklumat yang berkaitan transaksi terkawal direkodkan dengan tepat serta memenuhi keperluan penyediaan dokumen pindahan harga dari peringkat awal transaksi tersebut dijalankan. Seterusnya, pembayar cukai diberi tempoh masa sehingga 7 bulan selepas tarikh penutupan akaun kewangan bagi tujuan penyediaan dan pengemaskinian dokumen harga pindahan harga tersebut.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
14.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Timing to claim tax incentives (e.g. Investment Tax Allowance, Reinvestment Allowance) is to be deducted against statutory income of a business for that year of assessment, up to specified % of statutory income. We propose allowing claimants of tax incentives (e.g. Reinvestment Allowance, Investment Tax Allowance) the option to elect the quantum of the incentive to be deducted from statutory income, up to a specified percentage of their statutory income, over a specified period of time.	HASiL mengambil maklum atas cadangan ini dan kajian lanjut akan dilakukan.
15.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Limited tax incentives for existing companies to encourage continued reinvestment and expansion. We propose expanding the scope of investment tax allowance, deductions, and incentives to include a wider range of products and processes. This expansion aims to promote the production of healthier products, making them more affordable for consumers. We kindly request your support in urging the relevant authorities to expedite the issuance of application guidelines for announced incentives, such as the Reinvestment ITA. This would provide taxpayers with certainty and allow them to plan ahead for capital expenditure expansion.	Cadangan boleh dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan / Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) untuk pertimbangan. Apabila suatu insentif baharu diumumkan dalam bajet, Kementerian Kewangan bersama Kementerian yang berkaitan akan mengeluarkan surat dasar cukai untuk memberi penjelasan lanjut. Pada masa yang sama, Agensi Promosi Pelaburan yang terlibat bersama Kementerian Kewangan dan HASiL akan meneliti garis panduan yang disediakan sebelum ia dikeluarkan.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	Furthermore, we humbly request the simplification of the process and criteria for eligibility applications in the industry. Streamlining these procedures would facilitate easier access to incentives and enhance the efficiency of the application process.	
16.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Effective 01st Jan 2024, HR is required to submit Tax Clearance for Resigned Staff 30 days before release the last salary. Sometimes the response from IRB is quite slow/late and HR is not able to release the resigned staff salary and resigned staff are unhappy given that they have monthly commitment to pay for. When the company HR follows up with the respective IRB branch, the officers response is that due to high volume of application the company is requested to wait for the update. Is it possible for the HR to release the salary to resigned staff if they have not received an update from IRB after one (1) month? If resigned staff have outstanding payment with IRB, HR will inform them to pay to IRB directly. Rightfully, the company cannot hold staff salary for so long.	Tanggungjawab Majikan untuk mengemukakan borang pemberitahuan pemberhentian pekerja telah wujud sebelum 1 Januari 2024 di mana Majikan boleh mengemukakan borang berkenaan secara manual atau melalui melalui aplikasi e-SPC di MyTax. Namun mulai 1 Januari 2024, permohonan Surat Penyelesaian Cukai (SPC) bagi Individu hendaklah dilakukan secara dalam talian melalui aplikasi e-SPC di MyTax. HASiL telah menyemak proses pengeluaran SPC dan mengeluarkan garis panduan baharu pada 1 April 2024. Mengikut garis panduan baharu ini, Majikan diberi pengecualian pengemukaan pemberitahuan pemberhentian pekerja jika: - Pekerja yang berhenti kerja di mana pendapatan penggajian tidak dikenakan cukai. - Pekerja WARGANEGARA yang berhenti kerja di mana: - Pendapatan bulanan pekerja di bawah dari amaun kelayakan minimum PCB dan tidak menerima ganjaran atau pampasan dari pemberhentian tersebut; atau - Pendapatan telah tertakluk kepada PCB di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994, dan tidak menerima ganjaran atau pampasan dari pemberhentian tersebut. Sila rujuk <u>Prosedur Permohonan Surat Penyelesaian Cukai (SPC) Individu</u> untuk maklumat lanjut.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		Berdasarkan Seksyen 83(5) ACP 1967 majikan hendaklah menahan apa-apa bahagian wang yang akan atau boleh dibayar kepada pekerja selama 90 hari dari tarikh pemberitahuan permohonan SPC diterima oleh KPHDN atau sehingga SPC diterima. Walau bagaimanapun, HASiL mengambil maklum isu kelewatan pemprosesan SPC dan tindakan pemantauan sedang diambil.
17.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Companies that have applied Green Technology Incentives under Section 127 (3A) which was approved previously is no longer eligible to apply for incentives under the new regime that starts on January 1, 2024. New Green Technology Incentive that started in Year 2024 will only be given to Companies that have never applied before. Suggest Green Technology Incentives should be given to all Companies that purchases new Qualifying Assets (Such as Solar PV) to promote the use of Green Energy in Malaysia.	Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan amalan hijau sejak tahun 2001. Dalam tahun 2014, antara insentif amalan hijau yang diperkenalkan merangkumi galakan cukai <i>Green Investment Tax Allowance (GITA)</i> bagi pembelian aset teknologi hijau dan <i>Green Income Tax Exemption (GITE)</i> bagi perkhidmatan teknologi hijau. Insentif GITA diberi adalah 100% daripada perbelanjaan modal untuk aktiviti hijau yang layak. Kadar ini adalah lebih tinggi daripada kadar insentif lain (60%). Memandangkan insentif ini telah diberi kepada semua syarikat yang layak sejak tahun 2014, insentif ini harus diberi sekali sahaja untuk setiap syarikat. Pihak FMM boleh mengemukakan cadangan berkenaan kepada Kementerian Kewangan.
18.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Under GITA, businesses can enjoy a tax allowance of 100% of the cost of their solar system (“qualifying capital expenditure”) incurred up to 31 December 2023.	Pemprosesan permohonan insentif GITA adalah tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh <i>Malaysian Investment Development Authority (MIDA)</i> dan <i>Malaysian Green Technology And Climate Change Corporation (MGTC)</i>.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	This allowance can be offset against up to 70% of the company's taxable income in the initial year of assessment. The remaining balance can be carried forward for 3 years until fully utilized. Company A has completed the solar panel installation in Apr-2023. Our application to MIDA was on 11-Oct-2022. It is not approved by MIDA as of today. Furthermore, our tax agent has informed that even if MIDA approves the application, but in view that the GITA has not gazetted the company cannot claim the tax allowance for 100% of the installation cost. Total cost invested for solar system = RM5,844,412. Appreciate clarification on the status of the GITA gazette and its impact on companies wanting to apply for the tax allowance and have already incurred a substantial investment in installing the solar system.	Sekiranya perundangan subsidiari GITA telah diwartakan, tuntutan insentif GITA boleh dibuat melalui permohonan relif di bawah peruntukan seksyen 131A, Akta Cukai Pendapatan 1967. Rujukan lanjut boleh dibuat melalui Ketetapan Umum No.7/2020 – Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran dan Permohonan Relif.
19.	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Limited ESG tax incentives for taxpayers. We kindly seek your support in urging the relevant authorities to review and enhance the tax deduction available for expenses related to ESG initiatives.	Pihak FMM boleh mengemukakan cadangan berkenaan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan. Sebarang keputusan yang melibatkan dasar dan polisi Kerajaan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian sepenuhnya.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL								
	The existing limit of RM50,000 per year of assessment is limited and does not reflect the actual costs incurred by companies in undertaking ESG activities. In addition, we respectfully request that the deduction for e-invoicing implementation fees be extended to non-MSME taxpayers as well. This inclusion would ensure fairness and equal treatment for all businesses, regardless of their size.									
20.	Malaysia Retail Chain Association – MRCA Are there any upcoming changes in tax laws or regulations that will affect the retail sector?	a) Tanggungjawab peniaga sektor runcit untuk mengeluarkan e-Invois susulan kepada pelaksanaan e-Invois secara berperingkat seperti berikut: <table><tr><th>Sasaran Pembayar Cukai</th><th>Tarikh Pelaksanaan</th></tr><tr><td>Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta</td><td>1 Ogos 2024</td></tr><tr><td>Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta</td><td>1 Januari 2025</td></tr><tr><td>Semua pembayar cukai</td><td>1 Julai 2025</td></tr></table> b) Sebelum ini di bawah subseksyen 107C(7) Akta Cukai Pendapatan 1967, pembayar cukai yang telah mengemukakan anggaran cukai bagi sesuatu tahun taksiran boleh meminda anggaran tersebut dalam bulan keenam dan kesembilan atau kedua-dua bulan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran. Subseksyen 107C(7) telah dipinda untuk membenarkan pindaan bulan kesebelas tempoh asas sebagai tambahan bulan yang dibenarkan pindaan, selain daripada bulan keenam dan kesembilan mulai tahun taksiran 2024.	Sasaran Pembayar Cukai	Tarikh Pelaksanaan	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta	1 Ogos 2024	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta	1 Januari 2025	Semua pembayar cukai	1 Julai 2025
Sasaran Pembayar Cukai	Tarikh Pelaksanaan									
Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta	1 Ogos 2024									
Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta	1 Januari 2025									
Semua pembayar cukai	1 Julai 2025									

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
21.	Malaysian Rubber Products Manufacturers Association (MRPMA) Can we get tax exemption for the Association's Building Fund, such as members' contributions for building purchases or renovations?	Bagi melayakkan suatu pertubuhan diluluskan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, objektif pertubuhan hendaklah tidak berorientasikan keuntungan. Subseksyen 44(6) tidak membenarkan suatu pertubuhan untuk menjadikan pembelian bangunan sebagai objektif penubuhan. Oleh itu, polisi semasa tidak membenarkan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) bagi kutipan derma daripada orang awam untuk pembelian bangunan melainkan bagi tujuan pembelian atau pembinaan sekolah atau rumah ibadat. 1. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) boleh memberikan kelulusan kepada mana-mana institusi, organisasi atau tabung yang layak di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) agar: a. Penderma atau penyumbang kepada institusi, organisasi atau tabung yang diluluskan layak menuntut potongan dalam mengira jumlah pendapatan yang dikenakan cukai; dan b. Institusi, organisasi atau tabung layak mendapat pengecualian cukai atas semua pendapatan yang diterima di bawah subperenggan 13(1)(a) Jadual 6, ACP 1967 2. Berdasarkan andaian bahawa MRPMA ingin mendapatkan pengesahan sama ada terdapat pengecualian cukai atas MRPMA bagi dana/tabung yang dikumpulkan oleh MRPMA yang dikenali sebagai Association's Building Fund, pihak kami berpandangan MRPMA tidak layak dikecualikan cukai atas dana yang dikumpulkan ini.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		3. Untuk makluman, buat masa ini kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(6) berkenaan bangunan adalah bagi tabung-tabung berikut sahaja: a. Tabung Pembinaan Rumah Ibadat; b. Tabung Pembelian Rumah Ibadat; c. Tabung Pembinaan Sekolah; dan d. Tabung Pembelian Sekolah. Maklumbalas ini adalah berdasarkan andaian di perenggan 2. Pandangan ini tidak terpakai sekiranya fakta sebenar adalah berbeza.
22.	Pigeonhole Live Is exemption from tax clearance applicable to staff resigned due to retirement?	Pengecualian tidak terpakai bagi pekerja yang bersara. Sila rujuk <u>Prosedur Permohonan Surat Penyelesaian Cukai (SPC) Individu</u> untuk maklumat lanjut.